

**KRISIS PELARIAN DALAM HUBUNGAN VIETNAM UTARA DENGAN  
THAILAND, 1954-1975**

***THE REFUGEE CRISIS IN NORTH VIETNAM'S RELATIONS WITH THAILAND,  
1954-1975***

**Ahmad Zainudin Husin**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA**

**Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis isu yang timbul berikutan kehadiran pelarian Vietnam ke Thailand sepanjang Perang Vietnam (1954-1975). Fokus penganalisaan ialah kepada sikap Thailand terhadap pelarian Vietnam di negaranya serta langkah yang diambil untuk mengembalikan pelarian tersebut ke negara asalnya. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif khususnya analisis dokumen dengan menekankan penggunaan dokumen rasmi kerajaan British, akhbar yang diterbitkan di Vietnam Selatan dan Thailand, buku dan artikel ilmiah. Dapatan kajian ini menunjukkan kehadiran pelarian Vietnam era Perang Vietnam telah mencetuskan kegelisahan kepada pemimpin dan rakyat Thailand. Selain daripada isu keselamatan, kehadiran mereka turut mengundang masalah sosial di Thailand. Di saat usaha penghantaran pulang pelarian dilaksanakan dengan jayanya namun ia digagalkan dengan kehadiran gelombang kedua yang lebih besar berikutan kegagalan Vietnam Selatan mempertahankan negaranya. Ini menyebabkan isu tersebut telah berterusan sehinggalah tahun 1990-an. Usaha penyelesaian terhadap isu pelarian selepas tamatnya Perang Vietnam masih dibayangi oleh hubungan dingin Thailand dengan Vietnam. Isu ini disebabkan penglibatan tentera Thailand dalam membantu tentera Amerika Syarikat mempertahankan Vietnam Selatan ketika Perang Vietnam 1964-1975.

**Kata kunci:** Thailand, Vietnam, Pelarian, Perang Vietnam, Diplomasi

**Abstract**

*This article aims to analyse the issues following the presence of Vietnamese refugees in Thailand during the War (1954–1975). The focus of the analysis is on Thailand's attitude towards Vietnamese refugees as well as the steps taken to return the refugees to Vietnam. This research uses qualitative methods, particularly document analysis, emphasising the use of British official government documents, newspapers that were published in South Vietnam and Thailand, books, and scientific articles. The findings of this study show that the presence of Vietnamese refugees during the Vietnam War created restlessness among the leaders and people of Thailand. Apart from security issues, their presence also invites social problems in Thailand. At the time, the refugee repatriation effort was carried out successfully. Still, it was thwarted by the presence of a second more enormous wave following the failure of South Vietnam to defend its country. This caused the issue to continue until the 1990s, despite Thailand's involvement in helping the United States army defend South Vietnam during the Vietnam War 1964-1975, efforts to resolve the refugee issue are still overshadowed by the country's cold relationship with Vietnam.*

**Keywords:** Thailand, Vietnam, Refugees, Vietnam War, Diplomacy

## **Pengenalan**


Kehadiran pelarian dari Vietnam ke Thailand bukanlah satu perkara baru tetapi telah berlarutan sejak abad ke-18 lagi. Antara insiden yang menjadi pemacu kepada masalah tersebut ialah pergolakan dalaman di Vietnam berikutan persaingan takhta menyebabkan Raja Nguyen Anh serta pengikutnya melarikan diri ke Bangkok pada tahun 1785.<sup>1</sup> Kehadiran pelarian Vietnam juga berlaku pada tahun 1827 apabila Maharaja Minh Mang melancarkan tindakan menekan masyarakat Vietnam yang beragama Katholik. Gelombang seterusnya ialah ketika meletusnya gerakan penentangan terhadap penjajahan Perancis di Vietnam antara tahun 1912 hingga 1945 khususnya pada tahun 1937 dan 1938. Gelombang seterusnya ialah selepas tamatnya pendudukan Jepun iaitu pada 1946 berikutan meletusnya perang antara pejuang kemerdekaan Vietnam dengan Perancis. Sebahagian daripada pelarian ini yang tiba di Thailand antara tahun 1912 hingga 1937 diberi kewarganegaraan berikutan pengenalan Undang-undang Imigresen negara tersebut.<sup>2</sup> Menurut bancian pada 1951, jumlah pelarian Vietnam di Thailand mencecah 45,000 orang dan kebanyakan mereka menetap di Norngkhai, Udornthanee, Nakhorn Phanom dan Sakon Nakhorn.

## **Sikap Thailand Terhadap Pelarian Vietnam**

Pada umumnya pemerintah Thailand menunjukkan sikap yang liberal terhadap pelarian Vietnam di negara tersebut sebelum Perang Dunia Kedua. Malah terdapat antara mereka yang mendapat status kewarganegaraan Thailand menurut undang-undang Imigresen negara tersebut. Perubahan politik Thailand pada tahun 1949 yang memperlihatkan kenaikan golongan tentera telah mengubah sikap negara tersebut terhadap pelarian Vietnam. Keadaan ini timbul berikutan kecurigaan mereka terhadap pelarian tersebut berikutan kedudukan Viet Minh (Liga Kemerdekaan Vietnam) yang berfahaman komunis begitu berpengaruh di Vietnam. Pihak Thailand berjaya mengesan terdapatnya minoriti Cina di Thailand dibawa ke Kunming untuk menjalani latihan dan indoktrinasi fahaman komunis. Memandangkan Vietnam juga didominasi oleh ideologi yang sama, adalah tidak mustahil mereka juga melakukan perkara yang sama kepada etnik tersebut yang berada di Thailand. Oleh itu pemimpin Thailand mengesyorkan agar pelarian Vietnam yang memasuki negara itu setelah Perang Dunia II dihantar pulang ke negara asal.<sup>3</sup>

Kejayaan golongan komunis yang diterajui oleh Viet Minh dalam perjuangan kemerdekaan menentang Perancis 1945-1954 merupakan antara penyumbang besar kepada kehadiran pelarian dari Vietnam membanjiri sempadan Thailand. Ini meningkatkan kecurigaan kepimpinan Thailand ketika itu tentang kemungkinan terdapatnya perisik Viet Minh yang menyelip masuk bersama pelarian dan menjalankan aktiviti mereka di Thailand. Ketika itu, Thailand juga sedang berhadapan dengan ancaman daripada Parti Komunis Thailand. Ini menyebabkan negara itu mengambil langkah awal dengan menyekat pergerakan pelarian Vietnam. Langkah ini dimulakan dengan mengehadkan petempatan pelarian kepada lapan wilayah pada tahun 1950. Wilayah yang dibenarkan ialah Norngkhai, Udornthanee, Sakon Nakhorn, Nakhorn Phanom, Roi Et, Mahasarakham, Karnlasin, Khornkaen, Ubon Ratchathanee, Sisaket, Surin, dan Prachinburee.<sup>4</sup>

### Rajah 1: Peta Utara Thailand



Diubah suai daripada Chris Baker, Pasuk Phongpaichit - *A History of Thailand*.<sup>5</sup>

Jumlah pelarian Vietnam pada tahun 1952 meningkat kepada 4700 orang berbanding dengan tahun sebelumnya. Keadaan menjadi semakin merisaukan pihak Thailand apabila sumber perisikan Thailand mendakwa terdapat agen Viet Minh menjalankan aktiviti mengumpul dana daripada pelarian tersebut bagi membiayai perbelanjaan perjuangan mereka menentang Perancis. Tentera Viet Minh juga dikesan mendapatkan bekalan makanan daripada pelarian di wilayah Norngkhai dan Nakhorn Phanom yang bersempadan dengan Indochina. Kader komunis yang terdiri daripada masyarakat pelarian Vietnam, bebas dan kebal dalam melaksanakan aktiviti mereka dengan memberi pelbagai bentuk rasuah kepada pegawai tempatan Thailand.<sup>6</sup> Secara logiknya sukar untuk dipercayai bahawa mereka mempunyai senjata yang mencukupi dan menjalani latihan secara bebas tanpa diketahui pihak berkuasa Bangkok kerana kawalan ke atas kawasan pelarian dilaksanakan dengan begitu ketat oleh pasukan tersebut.<sup>7</sup> Perkembangan ini menyebabkan pihak berkuasa Thailand memindahkan sejumlah 5,000 pelarian Vietnam ke wilayah Phetchaboon dan ke wilayah di Selatan iaitu Phatthalung dan Surartthanee. Mereka yang disyaki merupakan agen Viet Minh pula dipindahkan ke Norngkhai, Sakon Nakhorn, dan Nakhorn Phanom.<sup>8</sup> Usaha seterusnya ialah mengadakan perbincangan dengan Vietnam untuk mengembalikan pelarian ke tanah air mereka.

#### **Rundingan Pertama Penghantaran Pulang Pelarian ke Vietnam**

Usaha merundingkan rancangan pengembalian pelarian ini menjadi agak sulit apabila pada tahun 1954, Vietnam dibahagikan kepada dua bahagian berasaskan kepada Perjanjian Geneva 1954, iaitu Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Memandangkan Thailand dengan Vietnam Utara tidak mempunyai hubungan diplomatik, perbincangan tentang pengembalian pelarian

dilaksanakan melalui perantaraan Persatuan Palang Merah. Pihak yang menjadi pengantaraan dalam membincangkan proses pengembalian pelarian ialah Persatuan Bulan Sabit Merah Thailand, Vietnam dan Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa. Usaha penyelesaian pada akhir 1959 dilakukan oleh Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa. Deligasinya jawatankuasa tersebut diketuai oleh Andre Durand. Hasil pertemuan dengan pelarian Vietnam di sempadan Thailand, Durand mendapat maklumat yang jelas tentang hasrat pelarian yang ingin pulang ke Vietnam Utara.<sup>9</sup> Beliau seterusnya berlepas dari Bangkok pada 4 April 1959 ke Hanoi bagi menjelaskan hasrat pelarian tersebut. Di sini beliau seterusnya akan membincangkan proses penghantaran pulang para pelarian ke Vietnam Utara.<sup>10</sup>

Pada 28 April 1959, Vietnam Utara bersetuju pada prinsipnya untuk menerima pemulangan pelarian Vietnam dari Thailand.<sup>11</sup> Persetujuan ini dinyatakan oleh Jeneral Polis Luang Chart Trakankosol, Setiausaha Rendah Dalam Negara Thailand. Maklumat ini turut dimaklumkan oleh Andre Durand untuk mengadakan perbincangan dengan pihak Vietnam Utara berhubung masalah pelarian.<sup>12</sup> Luang Chart menyatakan perincian proses pemulangan tersebut dilaksanakan oleh wakil Pasukan Palang Merah Thailand dan Vietnam Utara. Perincian ini menyentuh soal pelupusan harta pelarian dan masalah pengangkutan. Cara pengangkutan sama ada pemulangan tersebut mengikut jalan darat atau laut juga diputuskan oleh pertubuhan ini.<sup>13</sup> Luang Chart turut memaklumkan bahawa Thailand bersetuju untuk menanggung keseluruhan kos pemulangan tersebut. Thailand mengharapkan agar semua pelarian tersebut dikeluarkan daripada Thailand secepat mungkin.<sup>14</sup>

Rundingan pengembalian kira-kira 48,702 pelarian Vietnam antara Persatuan Palang Merah Vietnam Utara dengan Pasukan Palang Merah Thailand diadakan di Rangoon pada 20 Jun 1959.<sup>15</sup> Deligasi Vietnam Utara diketuai oleh Dr. Nguyen Van Thu iaitu wakil Persatuan Palang Merah Vietnam Utara dan deligasi Pasukan Palang Merah Thailand yang diketuai oleh Phra Tiransar Visvakam. Rundingan ini turut dihadiri oleh Andre Durand, ketua deligasi dari Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa serta Setiausaha Persatuan Palang Merah Burma.<sup>16</sup> Tiga cadangan dikemukakan untuk cara penghantaran pelarian tersebut iaitu penghantaran menggunakan jalan darat, laut dan udara.

Rancangan penghantaran menggunakan jalan darat dianggap terbaik dan murah oleh Thailand. Pelarian dibawa dengan trak ke Vietnam Utara melalui Laos. Jalan dari Tha Khae ke Nah Pe sejauh 240 kilometer. Selebihnya perjalanan ke Vietnam Utara sejauh 14 hingga 15 kilometer. Rancangan penghantaran menggunakan jalan laut mengambil masa untuk dilaksanakan. Urusan mengawal kem pelarian perlu dilakukan sementara menunggu kehadiran kapal yang membawa mereka ke Vietnam Utara. Tujuannya untuk mengelakkan mereka melarikan diri dari kem tersebut. Pengangkutan hanya boleh dilakukan sebanyak dua kali sebulan jika menggunakan sebuah kapal. Pengangkutan udara merupakan kaedah yang paling mahal. Jumlah perbelanjaannya dianggarkan sebanyak 1000 Baht per kepala berbanding 630 Baht per kepala jika menggunakan jalan laut.<sup>17</sup>

**Taburan seramai 48,702 pelarian Vietnam di Thailand**

Wilayah Nongkhai 14,509 orang	5745 di wilayah Ampur Moing dan Ampur Muk Dharn, 7486 di Ampur Tha Bor dan Ampur Srichiengmai, 547 di Ampur Pone Pisai 731 di Ampun Buenkhan.
Wilayah Nakhon Panom 16,736 orang	5,999 di Ampur Muang, 6085 di Ampur Muk Daharn, 2135 di Ampur That Panom, 599 di Ampur Kham Oha-ee, 364 di Ampur Nakae, 378 di Ampur Tha Uthen, 239 di Ampur, 239 di Ampur Srisonggram 677 di Ampur Bang Paeng.
Wilayah Sakoi Nakorn 9206 orang	5291 di Ampur Muang, 1338 di Ampur Pananikom, 2269 di Ampur Vanaranivas, 180 di Ampur Varichaphum.
Wilayah Ubolrajthani 6734 orang	4513 di Ampur Muang, 670 di Ampur Phibulmangsaharn, 624 di Ampur Amnart Charoen, 529 di Ampur Yarothorn, 116 di Ampur Luangnoketha.
Wilayah Ubolrajthani 6734 orang	4513 di Ampur Muang, 670 di Ampur Phibulmangsaharn, 624 di Ampur Amnart Charoen, 529 di Ampur Yarothorn, 116 di Ampur Luangnoketha.
Wilayah Prachinburi 1116 orang pelarian	165 di Wilayah Surathani 236 di wilayah Pattalung

Sumber: *The Bangkok Post*, 22 Jun 1959

Pihak berkuasa Thailand berusaha untuk mempercepatkan program penghantaran pulang pelarian kerana tidak mahu pejuang Vietnam yang menyusup masuk dalam kalangan pelarian terus berada di negaranya. Kebimbangan terhadap keberadaan golongan tersebut adalah atas beberapa faktor iaitu:

- a. Golongan nasionalis yang menjadi pelarian Vietnam yang taat kepada komunis akan bertindak sebagai perisik kepada Viet Minh. Mereka dianggap sebagai musuh kepada Thailand.
- b. Nasionalis Vietnam turut membahayakan masyarakat Thailand di wilayah Thailand yang keadaan hidupnya sukar dan mudah dipengaruhi ideologi komunis.

- c. Nasionalis Vietnam turut mencabar pihak berkuasa Thailand melalui demonstrasi menentang peraturan serta keperluan rasmi Thailand. Terdapat mereka yang melancarkan 'mob attack' ke atas Balai Polis Thailand.
- d. Masyarakat Vietnam telah terbukti sebagai sukar untuk diasimilasikan dengan masyarakat Thai.<sup>18</sup>

Berdasarkan kenyataan Andre Durand hampir 95 peratus pelarian tersebut menyatakan keinginan mereka untuk kembali ke Vietnam Utara. Ini kerana mereka menganggap Presiden Ho Chi Minh sebagai pejuang membebaskan Vietnam dan mereka tidak mengetahui secara terperinci tentang Vietnam Selatan.<sup>19</sup> Keadaan ini mempunyai kaitan dengan peranan agen Viet Minh yang menyebarkan propaganda tentang kebaikan Vietnam Utara. Hanya satu peratus yang ingin dihantar ke Vietnam Selatan. Dua peratus dibenarkan untuk terus menetap di Thailand kerana mereka mempunyai saudara-mara di situ. Manakala dua peratus lagi tidak dapat dikesan. Kawalan dikenakan ke atas setiap kem pelarian dan mereka tidak dibenarkan meninggalkan kem tanpa kebenaran pihak berkuasa Thailand.<sup>20</sup>

Pada 3 Ogos 1959, akhbar Bangkok Post melaporkan yang Vietnam Selatan turut bersetuju untuk menerima pelarian yang berhasrat dipulangkan ke negara itu.<sup>21</sup> Penerimaan pelarian ini berdasarkan kepada beberapa syarat termasuk melalui sesi "brainwash" untuk menyingkirkan idea komunis yang mungkin telah mempengaruhi mereka. Kerajaan Vietnam Selatan hanya bersetuju menerima mereka setelah proses "brainwashing" (bagi memastikan mereka menerima ideologi anti-komunis) dan Thailand menerima syarat lain yang akan ditetapkan dalam rundingan seterusnya. Pihak berkuasa Thailand menegaskan keutamaannya ialah menjaga keselamatan negara tersebut serta tidak membiarkan perbatasan timur lautnya terus dicerobohi oleh pihak Vietnam dengan bantuan seramai 48,000 pelarian yang mendiami kawasan tersebut.<sup>22</sup>

### **Persidangan Rangoon**

Persidangan Rangoon diadakan pada awal Ogos 1959, yang dihadiri deligasi Pertubuhan Palang Merah Vietnam Utara dan Thailand serta Palang Merah Antarabangsa. Hasil perundingan ini memutuskan Vietnam Utara bersedia membawa semua pelarian yang memilih kembali ke sana. Walau bagaimanapun, negara tersebut tidak menyatakan jumlah pelarian yang dipersetujui. Menurut tinjauan awal Thailand - *The International Committee of the Red Cross* (ICRC) menunjukkan sembilan puluh peratus dari jumlah 48,000 pelarian.<sup>23</sup> Hasil perundingan tersebut memutuskan, penghantaran pelarian ke Vietnam Utara dilaksanakan melalui jalan laut. Keputusan ini diambil memandangkan jalan darat yang melalui Laos adalah berisiko ekoran perkembangan semasa wilayah tersebut yang tidak selamat.<sup>24</sup>

Vietnam Utara bersetuju untuk membiayai separuh daripada perbelanjaan pengembalian pelarian Vietnam ke wilayahnya. Persetujuan tersebut disampaikan melalui deligasi Pertubuhan Palang Merah Vietnam Utara yang hadir ke Persidang Rangoon.<sup>25</sup> Ketika membentangkan draf Perjanjian Rangoon kepada Parlimen Thailand, Phra Tironasan, menyatakan Vietnam Utara bersetuju kadar penghantaran pulang pelarian tersebut ialah seramai 1000 orang sebulan. Kadar ini dibantah oleh Perdana Menteri Thailand kerana ia terlalu perlahan. Dengan kadar ini proses penghantaran akan mengambil masa selama lima tahun. Oleh itu beliau mencadangkan supaya kadar tersebut dinaikkan kepada 2000 orang sebulan.<sup>26</sup>

Kedua-dua perwakilan yang bermesyuarat di Rangoon juga bersetuju hanya mereka yang bersetuju untuk kembali ke Vietnam Utara sahaja yang akan di hantar ke sana. Orang Vietnam yang menjadi penduduk tetap Thailand serta mempunyai sijil yang sah dikecualikan daripada proses ini. Vietnam Utara bersetuju pelarian yang ditangkap atas kesalahan menyebarkan fahaman Komunis secara tidak sah, yang berjumlah kira-kira 300 orang merupakan golongan pertama yang dihantar pulang. Persetujuan ini tertakluk kepada persetujuan kerajaan Thailand.

Vietnam Selatan masih menangguhkan penerimaan pelarian ke negara itu sehingga proses 'brainwashing'.<sup>27</sup> Program ini bertujuan untuk menghapuskan pengaruh komunis dalam kalangan mereka yang ingin pulang ke negara tersebut. Perjanjian dimeterai antara deligasi Palang Merah Vietnam dan Thailand ditandatangani pada 15 Ogos 1958. Proses pengembalian bermula pada Januari 1960. Sebagai langkah melancarkan proses tersebut, Palang Merah Thailand menubuhkan sebuah ibu pejabat di Bangkok. Dua pemerhati yang dilantik Vietnam Utara ditempatkan di sini untuk membantu melancarkan proses penghantaran pulang pelarian ke Vietnam. Kumpulan pelarian yang akan berlepas ke Vietnam Utara dihantar ke Bangkok terlebih dahulu dengan keretapi sebelum ke pelabuhan. Kawalan keselamatan disediakan kerajaan Thailand sepanjang mereka tinggal di Bangkok. Ini disahkan oleh Setiausaha Rendah Hal Ehwat Dalam Negeri dalam kenyataan "...security will be provided for during the Vietnamese stay in Bangkok but they will not be guarded or threatened like prisoners".<sup>28</sup>

### **Bantahan Vietnam Selatan Terhadap Perjanjian Rangoon.**

Perjanjian penghantaran pulang Pelarian Vietnam di sempadan timur laut Thailand ke Vietnam di Rangoon Ogos 1959, mendapat tentangan daripada Vietnam Selatan. Thanat Khoman iaitu Menteri Luar Negara Thailand memaklumkan yang Vietnam Selatan telah mengemukakan bantahan kepada *The International Committee of the Red Cross (ICRC)* kerana membincangkan masalah pelarian Vietnam dengan Republik Demokratik Vietnam (DRV).<sup>29</sup> Alasan Republik Vietnam (RVN) ialah, semua warga Vietnam di Thailand adalah warga negaranya. Oleh itu, DRV tidak mempunyai hak untuk berunding ke atas mereka. Bantahan itu disuarakan Presiden Ngo Dinh Diem pada 24 Ogos 1959.<sup>30</sup> Alasan yang dikemukakan oleh Vietnam Selatan yang dikeluarkan dalam Bahasa Perancis berbunyi:<sup>31</sup>

- i. "Kami percaya bahawa Perjanjian Rangoon boleh memberi kesan yang paling buruk kepada persahabatan antara Thailand dengan Republik Vietnam (Vietnam Selatan). Ia juga tidak sesuai dengan prinsip undang-undang antarabangsa. Ketika Kerajaan Thailand membuka hubungan diplomatik dengan Kerajaan Republik Vietnam mereka mengakui, dengan termeterinya hubungan tersebut, Kerajaan Republik Vietnam memiliki bidang kuasa penuh ke atas seluruh masyarakat Vietnam yang tinggal di Thailand. Perjanjian ini akan memberikan kuasa menangani masalah pelarian Vietnam di negara tersebut kepada kerajaan selain Kerajaan Republik Vietnam."

"Mengenai kenyataan bahawa *The Rangoon Talk* yang diadakan merupakan mesyuarat antara Pasukan Palang Merah, Republik Vietnam berpendapat bahawa ia tidak sesuai kerana isu ini melibatkan kepentingan negara dan melampaui bidang kuasa organisasi Palang Merah."

- ii. “Dari aspek kemanusiaan, Perjanjian Rangoon menyalahi ketetapan Konvensyen Antarabangsa Tentang Pelarian yang ditandatangani di Geneva pada 28 Julai 1957, dan juga menentang Deklarasi Hak Asasi Manusia. Keadaan perang telah mendorong 50,000 orang Vietnam melarikan diri ke Thailand serta mendapat sambutan baik oleh Kerajaan Thailand adalah layak diiktiraf sebagai pelarian. Oleh itu klausa-klausa Konvensyen Geneva harus digunapakai kepada mereka.”
- iii. “Kami juga bimbang bahawa pemulangan pelarian menurut syarat Perjanjian Rangoon akan menimbulkan kerugian nasional dan moral yang sangat serius bagi mereka. Selama sepuluh tahun lebih, pelarian ini tinggal dan membina kekayaan serta kemakmuran di Thailand kerana sikap masyarakat setempat yang murah hati selain kerja keras mereka. Kini tidak ada jaminan sama sekali bahawa keadaan yang sama dapat dinikmati mereka di Vietnam Utara. Lebih-lebih lagi, sudah diketahui umum bahawa penduduk di Vietnam Utara berada dalam keadaan yang penuh dengan penderitaan. Dari aspek moral, masyarakat Vietnam ini akan berada di dalam keadaan ketakutan dengan hak kemanusiaan mereka tidak dihormati pihak berkuasa Vietnam Utara. Segala layanan baik yang dapat dinikmati di negara bebas tidak mungkin diperoleh di negara komunis.”

“Daripada aspek pertahanan, perjanjian antara Thailand dengan Viet Minh akan memberi komunis "senjata" yang kuat untuk menyebarkan propaganda dan subversif. Ini kerana ia akan mengukuhkan penghormatan terhadap komunis dalam kalangan pelarian. Pada umumnya, berdasarkan pengalaman dengan pihak komunis, perjanjian ini tidak akan menghilangkan ancaman terhadap Thailand. Ini kerana mereka mungkin akan meninggalkan sejumlah ejen subversif di Thailand. Mereka akan memanfaatkan kejayaan membawa pulang pelarian melalui perjanjian ini untuk menyebarkan propaganda bagi mengembangkan komunisme di Thailand. Ini menyebabkan kesannya tidaklah seperti yang diharapkan malah lebih buruk.<sup>32</sup>

Kenyataan rasmi Vietnam Selatan ini telah dijawab oleh Thailand seperti berikut:

- i. Perbincangan di Rangoon sebenarnya diadakan antara wakil Palang Merah dengan dipengerusikan oleh Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa dan Vietnam Selatan enggan mengambil pelarian Vietnam.
- ii. Masyarakat Vietnam datang sebagai pelarian sejak mula lagi. Oleh itu mereka seharusnya tinggal di Thailand untuk sementara waktu dan pulang semula ke negara asal masing-masing. Sepanjang kehadiran di sini, mereka diberi layanan penuh kemanusiaan dan diberi kawalan keselamatan yang mencukupi.
- iii. Pelarian Vietnam memilih untuk pulang ke Vietnam Utara secara sukarela.
- iv. Adalah amat mudah untuk mengawasi agen komunis berbanding dengan sejumlah 50,000 pelarian Vietnam.<sup>33</sup>

Saigon tidak mengadakan sebarang perjanjian berhubung dengan pemulangan pelarian Vietnam sebagaimana dilakukan oleh Hanoi.<sup>34</sup> Perbincangan Menteri Luar Thailand, Thanat Khoman dengan Menteri Luar Vietnam Selatan, Vu Van Mau menjurus kepada untuk mendapatkan persetujuan terhadap prinsip tentang kategori pelarian yang manakah boleh



dipulangkan ke Vietnam Selatan.<sup>35</sup> Pendirian pihak Thailand ialah “*free wishes of the people concerned are fully respected*”. Pertemuan kedua-dua menteri luar ini bukannya bertujuan untuk memujuk Saigon agar menerima pelarian ini.<sup>36</sup>

### **Proses Pengembalian Pelarian Vietnam**

Seramai 922 pelarian Vietnam meninggalkan pelabuhan Klong Toey, Bangkok pada Januari 1960 dengan menaiki kapal *M.S. Hoi Ying* ke Pelabuhan Haiphong, Hanoi.<sup>37</sup> Kepulangan pelarian ini dikendalikan oleh Persatuan Palang Merah Thailand dan Persatuan Palang Merah Vietnam Utara. Hampir keseluruhan pelarian ini tinggal di timur laut Thailand lebih empat belas tahun. Mereka merupakan kumpulan pertama yang dipulangkan ke Vietnam Utara. Daripada 922 pelarian ini, seramai 514 orang merupakan kanak-kanak berumur bawah 18 tahun. 452 orang lelaki dan 470 perempuan. 550 adalah mereka yang tinggal di kawasan pelarian Nakorn Panom. Selebihnya iaitu 372 orang adalah mereka yang pernah menduduki Ubolrajthani. Kumpulan pertama ini tiba di Hanoi pada 9 Januari 1960.<sup>38</sup>

Kumpulan kedua berlepas pada 19 Januari 1960, terdiri daripada seramai 504 orang. Mereka adalah dari kawasan Udonthanee dan Nongkhai. Kumpulan ini berlepas ke Haiphong dengan menaiki kapal *M.S. Blissfull*.<sup>39</sup> Kumpulan ketiga pula seramai 545 orang berlepas pada 4 April dengan menaiki kapal *M.S. Blissfull*. Kumpulan ini terdiri daripada mereka yang tinggal di wilayah Nakorn Panom, Udonthanee, Sakol Nakorn dan Prachinburi.<sup>40</sup> Penghantaran berikutnya dilakukan pada 11 Mac 1960 seramai 588 orang. Mereka adalah terdiri daripada 328 dari kawasan Nakorn Panom dan 260 dari Ubolrajthani.<sup>41</sup> Dengan penghantaran tersebut jumlah pelarian yang dipulangkan ke Vietnam Utara seramai 2700 orang.<sup>42</sup>

### **Aktiviti Subversif Pelarian Vietnam Di Timur Laut Thailand**

Kebimbangan pihak Thailand terhadap keterlibatan pelarian dalam membantu tentera Viet Minh ada asasnya. Ini berdasarkan kepada laporan pihak berkuasa Thailand tentang terdapatnya percubaan dilakukan oleh pelarian Vietnam di kawasan Timur Laut Thailand membantu lapan tentera Vietnam Utara yang menceroboh wilayah tersebut. Aktiviti tersebut dilakukan oleh sebilangan pelarian Vietnam yang memasuki hutan berpura-pura mencari kayu api dan buluh di kawasan kelapan-lapan tentera tersebut bersembunyi. Mereka dipercayai membantu tentera tersebut pulang ke Vietnam Utara. Polis Thailand menjumpai peralatan perkhemahan dan memasak yang ditinggalkan oleh penceroboh di Tambol Khao Suak, Ampur, Srichiangmai, Nongkhai pada Disember 1960.<sup>43</sup>

Menteri Dalam Negeri, Jeneral Prapart Charusathien, menyatakan terdapat kalangan pelarian ini yang belatih menggunakan senjata api di kawasan hutan Ampur Sri Chiangmai, wilayah Nong Khai.<sup>44</sup> Sebahagian mereka yang ditangkap memberikan alasan latihan tersebut sebagai:

- a) Latihan menggunakan senjata api untuk menentang Komunis di Laos.
- b) Latihan ini tidak bertujuan untuk melakukan kekacauan di Thailand.

Prapart mendakwa selepas latihan menembak tersebut, pelarian akan menyeberangi Sungai Mekong ke Laos bagi membantu gerakan Komunis Pathet Laos menentang Tentera Diraja Laos. Polis Thailand juga menjumpai lapang sasar yang tersembunyi di hutan Sri Chiangmai.<sup>45</sup> Berikutan laporan tersebut, pada 17 Mei 1962 Kabinet Thailand memutuskan Persatuan Palang Merah Thailand perlu mengadakan perbincangan dengan Persatuan Palang Merah Vietnam Utara bagi memperbaharui perjanjian pengembalian pelarian ke Vietnam Utara. Deligasi Thailand diketuai Phra Tironasarn Visavakam dan disertai Nai Galanya Amatyakul, Dr. Manop Bunnag, Nang Chuerchuen Bunnag dan Ketua Polis Sathaphorn Buranasamrit.<sup>46</sup> Perundingan yang diadakan di Hanoi bertujuan untuk memperbaharui perjanjian pengembalian pelarian yang tamat pada 30 Jun 1962. Pengembalian pelarian ke Vietnam Utara dilaksanakan secara berterusan dengan sejumlah 1,200 orang dikeluarkan daripada Thailand setiap bulan. Sehingga 26 Oktober 1961 sejumlah 25,000 pelarian telah dihantar ke Vietnam Utara. Pihak Persatuan Palang Merah menganggarkan jumlah pelarian yang tiba di sana adalah seramai 30,000 orang sehingga tamatnya perjanjian tersebut pada 30 Jun 1962.<sup>47</sup> Setakat Mei 1962 seramai 40,000 pelarian dihantar ke Haiphong. Baki pelarian yang masih berada di Thailand ialah 30,000 yang bersamaan 54 penghantaran.

Ketua Polis Thailand, Luang Chart Trakankosol yang juga Setiausaha Rendah Negara Hal Ehwal Dalam Negara menyatakan, Thailand dengan Vietnam Utara bersetuju mengadakan perbincangan tentang pengembalian pelarian Vietnam yang masih menetap di negara itu.<sup>48</sup> Perbincangan akan dikendalikan oleh Persatuan Palang Merah kedua-dua negara. Lokasi perbincangan ditetapkan di Bangkok.<sup>49</sup> Luang Chart memaklumkan tempat perbincangan tersebut diadakan ialah di rumah Sawanganives Convalescence dekat Bangpoo.<sup>50</sup> Rumah Sawanganives merupakan hadiah daripada seorang saudagar Ue Chue Liang kepada Persatuan Palang Merah Thailand.

Pada 23 September 1962 Menteri Dalam Negeri Thailand, Jeneral Prapart Charusathien menyatakan sebahagian pelarian Vietnam yang tinggal di sempadan timur laut Thailand memilih untuk dihantar ke Vietnam Selatan.<sup>51</sup> Ini merupakan kali pertama pelarian mengambil pendirian sedemikian. Kementeriannya akan membuat permohonan kepada Kedutaan Vietnam Selatan bagi mendapatkan persetujuannya. Beliau yakin lebih ramai pelarian berminat dipulangkan ke Vietnam Selatan jika mendapat sokongan daripada kedutaan negara tersebut.<sup>52</sup>

Ahli Persatuan Palang Merah Vietnam Utara yang berada di Thailand untuk membantu proses pemulangan pelarian, mengadakan pertemuan dengan Ketua Polis Thailand Luang Chart Trakankosol pada 4 Oktober 1962.<sup>53</sup> Dalam mesyuarat itu Persatuan Palang Merah Vietnam Utara mengadu sebuah akhbar Thailand melaporkan kenyataan palsu tentang Persatuan Palang Merah Vietnam Utara. "Serangan" ini menyebabkan persatuan itu menanggung ketibaan deligasinya untuk membincangkan perjanjian baru berhubung dengan pengembalian pelarian Vietnam dari Thailand. Perwakilan ini juga memohon penjelasan tentang laporan akhbar tentang kerjasama kerajaan Thailand dengan Vietnam Selatan berkaitan dengan pemulangan pelarian Vietnam ini. Tambahan mereka jika ini benar, penghantaran delegasi Palang Merah Vietnam Utara ke Bangkok adalah tidak perlu.<sup>54</sup> Laporan akhbar tersebut dinafikan oleh Luang Chart. Kerajaan Thailand tidak pernah mempunyai hubungan dengan kerajaan Vietnam Selatan berhubung dengan masalah pelarian. Luang menyatakan mesyuarat tersebut mencapai persefahaman yang baik dengan wakil Palang Merah Vietnam Utara. Beliau turut memohon supaya senarai delegasi yang bakal dihantar berunding hendaklah dihantar terlebih dahulu kepada Palang Merah Thailand.<sup>55</sup>

## **Laporan Pelarian dari Vietnam Utara**

Kelancaran penghantaran pulang pelarian ke Vietnam Utara terjejas berikutan tersebarinya berita tentang layanan buruk yang diterima para pelarian yang telah dikembalikan ke negara tersebut. Pelarian Vietnam yang telah dihantar ke Vietnam Utara berhadapan masalah apabila sebahagian mereka dipenjarakan. Maklumat ini disampaikan oleh seorang pelarian Vietnam yang melarikan diri ke Bangkok dengan kapal British iaitu Pham Van Toan.<sup>56</sup> Beliau berkata bekas pelarian dari Thailand terutamanya golongan muda, selalu bertindak menentang pihak berkuasa Vietnam Utara. Tindakan mereka dianggap pemberontak oleh kerajaan komunis Vietnam Utara. Menurut Pham Van Toan, sehingga beliau keluar dari Haiphong, seramai 40 orang telah dipenjarakan atas alasan 'berfikiran imperialis' dan pemberontak.<sup>57</sup> Ini menyebabkan beliau memohon supaya dihantar ke Saigon.

Vietnam Selatan yang menolak pemulangan pelarian ke negaranya mendakwa laporan Pham Van Toan boleh mengganggu perbincangan yang sedang diusahakan antara Palang Merah Vietnam Utara dengan Thailand. Luang Chart pula menyifatkan laporan Pham ini sebagai menyulitkan perbincangan antara kedua-dua Palang Merah bagi mencapai satu perjanjian pemulangan 30,000 pelarian ke Vietnam Utara.<sup>58</sup> Beliau mengingatkan akhbar Thailand supaya berhati-hati dalam menyiarkan laporan pemuda Vietnam tersebut untuk mengelakkan masalah dalam mencapai persetujuan pemulangan pelarian.<sup>59</sup>

## **Rundingan Kedua Pemulangan Pelarian Vietnam 1962**

Rundingan antara Persatuan Palang Merah Vietnam Utara dengan Thailand berlangsung di Bangping, Samud Prakan pada 13 Disember 1962. Rundingan menemui jalan buntu apabila Palang Merah Vietnam Utara menuntut perlindungan, pekerjaan dan pendidikan diberikan kepada pelarian yang berada di Thailand.<sup>60</sup> Palang Merah Thailand menyatakan kerajaannya memberikan perlindungan dan kemudahan secukupnya kepada pelarian Vietnam. Berhubung dengan Pendidikan, Thailand bimbang kemungkinan wujudnya usaha Vietnam Utara untuk menyerapkan ideologi komunis secara sistematik kepada pelarian tersebut.<sup>61</sup>

Kedua-dua Persatuan Palang Merah akhirnya menandatangani perjanjian pada 17 Disember 1962 berhubung dengan pengembalian pelarian ke Vietnam Utara.<sup>62</sup> Perjanjian ini sebagai memperbaharui perjanjian Rangoon yang memutuskan pelarian Vietnam akan dikembalikan seramai 600 orang setiap bulan berbanding dengan 1200 orang sebelum ini. Perjanjian ini tidak menetapkan had masa proses ini berlangsung tetapi sah sehingga semua pelarian dikembalikan. Perjanjian ini ditandatangani oleh Phra Tironasarn Visavakarm pemimpin deligasi Palang Merah Thailand dengan Nguyen Van Thau, Naib Presiden Persatuan Palang Merah Vietnam Utara. Perjanjian ini berkuatkuasa pada Mac 1963.<sup>63</sup>

Pada November 1964, Thailand mengarahkan Pertubuhan Palang Merah Thailand menghubungi Pasukan Palang Merah Vietnam Utara untuk mengusahakan pemulangan 30,000 baki pelarian Vietnam yang menetap di timur laut negara itu.<sup>64</sup> Perdana Menteri Thailand, Thanom Kittikachorn mendakwa pihak berkuasa Vietnam Utara enggan menerima pelarian sehingga Amerika Syarikat menghentikan pengebomannya. Ini berikutan tiada jaminan keselamatan terhadap kapal-kapal pelarian yang menuju ke Vietnam Utara akibat tindakan agresif kuasa tersebut.<sup>65</sup> Thanom mendakwa pihak polis Thailand sedang mengawasi propaganda komunis dalam kalangan pelarian Vietnam di timur laut negaranya. Pelarian Vietnam dianggapnya sebagai ancaman sebenar kepada keselamatan di timur laut Thailand.<sup>66</sup>

Bagi menunjukkan rasa tanggungjawab kepada pelarian, regim Saigon melancarkan program bantuan kepada pelarian Vietnam yang anti-komunis di Thailand. Seramai 102 keluarga di Dinh Tuonh diberi VND 25,940, 48 bag beras dan 48 tin minyak masak oleh pegawai Vietnam serta Amerika Syarikat di daerah Cai Be pada 6 Ogos 1965. Sebanyak 28 keluarga di sini diberikan bantuan sebanyak VND 4,000,000 pada Julai 1965. Pejabat pentadbiran Quan Long, wilayah An Xuyen mengagihkan sejumlah VND16,360 kepada sebelas keluarga pelarian anti-komunis di hamlet An Kho, kampong Hoa Thanh pada 31 Julai 1965. Sebanyak 103 keluarga termasuk Montagnard dari wilayah Tra Boung menerima sumbangan sebanyak VND100 000 dan 2000 kilo beras oleh Jawatankuasa Pembebasan wilayah Quang Ngai di Vinh Long.<sup>67</sup>

### **Kedudukan Jumlah Pelarian Selepas Penghantaran Pulang**

Pada 7 May 1967, kerajaan Thailand mengadakan bancian ke atas seluruh pelarian Vietnam Utara yang berada di sempadan Timur Laut Thailand. Setiausaha Rendah Thawil Sunthornsarathoon memaklumkan hasil bancian tersebut dilaksanakan dengan cara menetapkan pelarian Vietnam yang berumur antara 12 tahun dan ke atas dikehendaki melaporkan diri kepada pegawai daerah tempatan untuk diambil gambar dan cap jari.<sup>68</sup>

Hasil bancian tersebut mendapati jumlah masyarakat Vietnam di Thailand sebelum kerajaan memulakan program pemulangan di bawah kelolaan Pertubuhan Palang Merah berjumlah 70,000 pada 1961. Program ini terganggu pada 1965 akibat serangan udara tentera Amerika Syarikat ke atas Vietnam Utara. Thawil memaklumkan menurut bancian 1967 jumlah pelarian Vietnam di Thailand ialah 40,000 orang. Ini menunjukkan terdapat pertambahan pelarian dalam tempoh 1962 hingga 1967 seramai 10 ribu orang. Ini menyebabkan Kerajaan Thailand bimbang dengan peningkatan kehadiran pelarian ke wilayahnya kerana terdapat peningkatan aktiviti subversif komunis dan keganasan di wilayah Timur Laut Negara itu.<sup>69</sup>

Pada 13 Mei 1967, Perdana Menteri Thanom Kittikachorn menyatakan Thailand bercadang memulangkan seramai 40,000 pelarian Vietnam Utara ke Vietnam Selatan. Perbincangan juga dilakukan dengan kerajaan Vietnam Selatan untuk tujuan itu. Vietnam Utara telah menerima kira-kira 30,000 pelarian melalui program pengembalian pelarian pada awal 1960an.<sup>70</sup> Program ini dihentikan pada 1964 apabila Vietnam Utara menutup pintu kepada pelarian selepas insiden Teluk Tonkin antara tentera laut Vietnam Utara dengan tentera laut Amerika Syarikat, yang menyebabkan pelabuhan Haiphong tidak lagi selamat.<sup>71</sup>

Thailand menganggap pelarian ini sebagai jambatan kepada gerakan komunis di Thailand. Ini berikutan daripada terdapat sejumlah pelarian yang ditangkap dan ada yang terbunuh dalam pertempuran antara tentera Thailand dengan pasukan gerila di Timur Laut Thailand.<sup>72</sup> Ini menyebabkan pihak Thailand menjalankan operasi pengawasan ketat kepada pelarian di sini. Pada Februari 1967, seramai 100 mereka yang dicurigai telah ditangkap. Tindakan ini menimbulkan bantahan keras daripada masyarakat Vietnam di Thailand. Thanom menyatakan perbincangan dilakukan antara Duta Vietnam, Dinh Trin Coinh dengan pegawai luar negara di sini. Menurutnya lagi, Thailand mengusahakan perbincangan selepas pasukan rasmi yang dijanjikan oleh Vietnam Selatan gagal hadir ke Thailand untuk membincangkan hal itu. Perdana Menteri Vietnam Selatan Nguyen Cao Ky berjanji akan menghantar deligasi seumpamanya ketika melawat Thailand pada 1966.<sup>73</sup>

Kekacauan juga meletus pada Ahad, 15 Oktober 1967, apabila penunjuk perasaan Vietnam bertempur dengan polis serta memusnahkan kereta polis setelah pertelingkahan antara pelarian pro-Vietnam Utara dengan pro-Vietnam Selatan di Bandar Udorn berhampiran dengan pangkalan Udara Amerika Syarikat.<sup>74</sup> Pada 19 Oktober 1967 pertelingkahan antara pelarian Vietnam pro Hanoi dengan pelarian pro Saigon meletus sekali lagi. Memandangkan insiden ini merupakan kali kedua berlaku melibatkan pelarian dalam tempoh satu minggu, pihak berkuasa Thailand mengambil tindakan menahan mereka yang terlibat di balai polis Timur Laut Thailand. Berikutan penahanan tersebut, lebih 250 pelarian Vietnam mengepung balai polis di Timur Laut Thailand pada malam 19 Oktober 1967 menuntut pembebasan mereka yang ditangkap ketika pertelingkahan antara pelarian pro-Hanoi dengan pelarian pro-Saigon tersebut. Pihak polis dihantar ke Bandar Sri Chiengmai, 100 kilometer di utara Nongkhai untuk memecahkan kepingan tersebut.<sup>75</sup>

Jumlah pelarian Vietnam yang menghuni kawasan Timur Laut Thailand sejak perang Indochina seramai 40,000 orang. Kerajaan Thailand pernah berunding dengan kerajaan Vietnam Selatan berhubung dengan pemulangan pelarian ke Saigon. Vietnam Selatan enggan menerima mereka kerana sebahagian besar pelarian ini dipengaruhi agen komunis Vietnam Utara. Thailand turut menuduh kader-kader Vietnam Utara yang menyusup masuk ke dalam kalangan pelarian membantu aktiviti subversif Parti Komunis Thailand di wilayah Timur Laut Thailand.<sup>76</sup> Sebahagian mereka yang pro-Hanoi bertindak menghasut pelarian menentang Amerika Syarikat yang berpangkalan di Timur Laut Thailand yang menjalankan tugas mengebom Vietnam Utara.<sup>77</sup> Ini menyebabkan Thailand berusaha untuk mempercepatkan pengembalian pelarian Vietnam ke tanah air mereka. Setelah pihak Vietnam Utara menghentikan penerimaan pelarian pada 1964 berikutan keadaan keselamatan pelabuhan Haiphong Thailand cuba mendapatkan persetujuan daripada Vietnam Selatan untuk menerima pelarian selebihnya. Pada 24 Oktober 1967, Thailand mencadangkan untuk memulangkan seramai 40,000 pelarian ke Vietnam Utara di samping Vietnam Selatan jika dipersetujuinya. Tindakan ini diambil setelah pihak Hanoi membatalkan pengembalian pelarian pada 1964. Keadaan ini memaksa Bangkok mengambil keputusan memulangkan pelarian ke Vietnam Selatan.<sup>78</sup> Pada 27 November 1967, Bangkok memutuskan untuk menghantar pulang pelarian Vietnam yang melanggar undang-undang di Thailand. Ia dibuat secara tanpa paksaan. Menurut Thawon Sunthornsorn, Setiausaha rendah Kementerian Dalam Negeri Thailand, "Thailand tidak memaksa mereka untuk kembali ke Vietnam Utara atau Vietnam Selatan."<sup>79</sup> Kenyataan ini dikeluarkan ketika mengulas tuduhan penyiaran Hanoi yang mendakwa, "Thailand memperbaharui akta penganiayaan terhadap penduduk Vietnam yang tinggal di negara itu". Thailand berusaha membincangkan perjanjian pengembalian dengan Vietnam Selatan tetapi sehingga tahun 1967 masih gagal.<sup>80</sup> Memandangkan usaha untuk mendapatkan persetujuan Saigon menerima pelarian Vietnam, Bangkok telah meneruskan rundingan dengan Hanoi.

### **Rundingan Pengembalian Pelarian Era Vietnamisasi**

Era *Vietnamisasi* merupakan tempoh pengunduran tentera *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) pimpinan Amerika Syarikat daripada Vietnam antara tahun 1969 hingga 1975.<sup>81</sup> Selepas perisytiharan Doktrin Nixon<sup>82</sup> yang menamatkan kehadiran tentera *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) di Vietnam, hubungan Bangkok-Hanoi menjadi lebih baik. Hanoi menggunakan isu pelarian ini bagi mendapatkan bantuan daripada kerajaan Thailand. Kerajaan Vietnam Utara bersetuju menerima pengembalian pelarian apabila Thailand menawarkan bantuan untuk pembinaan semula negara itu. Ini dinyatakan oleh Timbalan

Menteri Luar, Brig Gen Chartichai Choonhawan 16 Februari 1971.<sup>83</sup> Duta Thailand ke Laos, Vikrom Ninart diarahkan untuk membuat hubungan langsung dengan kedutaan Vietnam Utara untuk mempercepat pengembalian kira-kira 50,000 pelarian Vietnam di Thailand. Walau bagaimanapun, sehingga Februari 1973, Palang Merah Thailand tidak menerima sebarang arahan daripada Kerajaan Thailand untuk mengendalikan pengembalian pelarian ke Vietnam Utara.<sup>84</sup> Hubungan antara Thailand dengan Vietnam Utara kali terakhir ialah melalui surat yang bertarikh 6 Mac 1973. Surat tersebut memaklumkan tentang hasrat Thailand untuk mengembalikan seramai 50,000 pelarian Vietnam di negaranya. Walau bagaimanapun, ia tidak mendapat sebarang balasan daripada negara tersebut. Perbincangan terakhir berhubung dengan isu tersebut dibuat pada tahun 1970 yang digerakkan oleh Persatuan Palang Merah. Terdapat juga usaha dilaksanakan oleh dua ahli perniagaan Thailand iaitu Sampo Sirisampan dan Prapote Paorohit untuk mengadakan perundingan dengan bekas Menteri Kewangan Thailand, Vichit Lulitonand di Paris tetapi gagal.<sup>85</sup> Keengganan Hanoi meneruskan perbincangan berhubung dengan hubungan dua hala antara DRV dengan Thailand termasuk isu pelarian mempunyai kaitan dengan pendiriannya yang dikemukakan melalui surat kepada Kementerian Luar Thailand. Isi kandungan surat tersebut antara lain memberi syarat untuk meneruskan sebarang rundingan berhubung dengan usaha memperbaiki hubungan kedua negara. Antara syarat tersebut ialah, menamatkan kehadiran tentera Amerika Syarikat di Thailand dan menghentikan pengeboman ke atas Vietnam Utara dan wilayah Indochina yang lain.<sup>86</sup> Tuntutan ini agak sukar dilaksanakan Thailand kerana kepimpinan negara tersebut masih berpendirian bahawa kehadiran tentera Amerika Syarikat masih diperlukan untuk menyekat perluasan aktiviti komunis di rantau Asia Tenggara.

Sebagai usaha menyekat perkembangan fahaman komunis, aktiviti subversif serta pengaruh Viet Minh dalam kalangan pelarian, Pasukan Penghapus Komunis dan Pasukan Cawangan Khas Thailand melaksanakan program penyaringan ke atas 30,000 pelarian Vietnam Utara. Jeneral Sayud Khe Pol, Pengarah Pemerintah Operasi Penghapusan Komunis (CSOC) menyatakan, 'mana-mana pelarian yang taat kepada Thailand akan dibenarkan terus tinggal di sini manakala yang lain dipulangkan ke Vietnam. Penyaringan ini dilakukan ketika Thailand memperbaharui perbincangan dengan Hanoi berhubung dengan pengembalian pelarian. Thailand juga memutuskan untuk meminda Bill Pekerja Asing (Alien Occupation Bill) untuk membolehkan seramai 40,000 pelarian Vietnam meneruskan pekerjaan mereka untuk satu jangkamasa tertentu.<sup>87</sup> Ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan pengendalian pelarian di negara tersebut.

## **Kesimpulan**

Krisis pelarian Vietnam di Thailand merupakan isu yang berlarutan dan tidak berjaya diselesaikan sepanjang Perang Vietnam 1954-1975. Meskipun berbagai-bagai usaha dilaksanakan oleh Thailand, sehingga tamatnya Perang Vietnam 1975, krisis tersebut masih berlarutan. Keadaan menjadi semakin parah selepas kejayaan Vietnam Utara menyatukan Vietnam membentuk Republik Sosialis Vietnam 1975 sebagai sebuah negara komunis. Ini menyebabkan meletusnya gelombang baru pelarian yang bermula pada tahun 1975 yang turut menjadikan Thailand antara destinasi utamanya. Pada dasarnya usaha penyelesaian isu hubungan antara Vietnam dengan Thailand era Perang Vietnam khususnya berkaitan dengan isu pelarian sukar di selesaikan. Ini berikutan langkah Thailand menyertai Southeast Asia Treaty Organization (SEATO) yang membawa kepada penglibatan ketenteraannya dalam membantu Vietnam Selatan menentang Vietnam Utara. Ini menyebabkan penyelesaiannya

tertangguh sehinggalah terjalannya hubungan diplomatik antara Thailand dengan Vietnam selepas tamatnya Perang Vietnam pada April 1975.

## Penghargaan

Artikel ini merupakan hasil Geran Penyelidikan Universiti (GPU) yang di biayai oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Penyelidikan adalah di bawah seliaan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak, kod penyelidikan 2010-0012-106-01.

---

## Biodata

\* **Ahmad Zainudin Husin** ([zainuddin.husin@fsk.upsi.edu.my](mailto:zainuddin.husin@fsk.upsi.edu.my)) merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Received: 26 September 2022

Reviewed: 12 Oktober 2022

Accepted: 7 Disember 2022

## Nota

<sup>1</sup> Untuk maklumat lanjut tentang Raja Nguyen Anh (1802-1820) dan Minh Mang (1820-1841) rujuk, Ku Boon Dar, "Tay Son Uprising (1771-1802) In Vietnam: Mandated by Heaven?", *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 44, No. 1, 2017, hlm. 1-23.

<sup>2</sup> Kusol Varophas, "The Vietnamese refugees in Thailand", *World Affairs*, Vol. 128, 1966, hlm. 233-238.

<sup>3</sup> Letter from the Assistant Secretary of State for Far Eastern Affairs (Robertson) to the Ambassador in Thailand (Johnson), Washington, May 28, 1958 dalam *Foreign Relations of the United States, 1958-1960, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam crisis over Vietnamese refugees*. 1014.

<sup>4</sup> Kusol Varophas, "The Vietnamese Refugees in Thailand", 235.

<sup>5</sup> Baker, Chris & Pasuk Phongpaichit, *A History of Thailand*, Cambridge University Press, 2014, hlm. 222.

<sup>6</sup> Letter from the Ambassador in Thailand (Johnson) to the Director of the Office of Southeast Asian Affairs (Kocher), Bangkok, June 5, 1958, dalam *Foreign Relations of the United States, 1958-1960, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam crisis over Vietnamese refugees*. 1022.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Kusol Varophas, *The Vietnamese Refugees in Thailand*, 236.

<sup>9</sup> *The Bangkok Post*, 30 Mac 1959.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> *The Bangkok Post*, 28 April 1959.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Pertambahan pelarian terus berlaku sejak meletusnya perang antara Viet Minh dengan Perancis 1945-1954 dan diikuti oleh persaingan antara Vietnam Selatan dengan Vietnam Utara antara tahun 1954-59. Rujuk: *The Bangkok Post*, 22 Jun 1959.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Ini menunjukkan bahawa para pelarian ini sentiasa disogok dengan kehebatan Ho Chi Minh serta perjuangan pembebasan Vietnam anjuran Komunis oleh golongan pelarian berfahaman Komunis. Manakala maklumat tentang Vietnam Selatan terlalu sedikit di dedahkan malah terdapat mereka yang langsung tidak mengetahui perkembangan di wilayah tersebut. Ibid.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> *The Bangkok Post*, 3 Ogos 1959.

<sup>22</sup> Ibid.

- <sup>23</sup> Telegram From the Embassy in Burma to the Department of State, Rangoon, August 5, 1959—9 a.m, dalam *Foreign Relations of the United States, 1958–1960*, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam Crisis Over Vietnamese Refugees. 1083.
- <sup>24</sup> Laos sekitar tahun 1959 menghadapi pergolakan antara golongan Komunis dan anti-Komunis.
- <sup>25</sup> Persetujuan ini dinyatakan ketika pembentangan draf perjanjian Rangoon yang dibincangkan dengan Vietnam Utara, kepada Parlimen Thailand oleh Phra Tironasan Visavakam, Ketua Perwakilan Palang Merah Thailand ke persidangan Rangoon. Beliau merupakan yang diberi kuasa penuh untuk berunding dengan Deligasi Vietnam Utara *The Bangkok Post*, 13 Ogos 1959.
- <sup>26</sup> *Ibid.*
- <sup>27</sup> Term ini berdasarkan sumber ‘authoritative’ yang digunakan oleh pegawai tinggi Vietnam Selatan. *Ibid.*
- <sup>28</sup> *The Bangkok Post*, 15 Ogos 1959.
- <sup>29</sup> Telegram From the Embassy in Thailand to the Department of State, Bangkok, May 19, 1959—7 p.m. dalam *Foreign Relations of the United States, 1958–1960*, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam crisis over Vietnamese refugees. 1075.
- <sup>30</sup> *The Bangkok Post*, 25 Ogos 1959.
- <sup>31</sup> *Ibid.*
- <sup>32</sup> Terjemahan tidak rasmi yang diperolehi secara rasmi daripada Kedutaan Vietnam, *The Bangkok Post*, 25 Ogos 1959.
- <sup>33</sup> *Ibid.*
- <sup>34</sup> *Ibid.*
- <sup>35</sup> Pertemuan ini dilakukan ketika lawatan empat hari Raja Thailand, King Phumiphol Aduldej dan Queen Sirikit ke Vietnam Selatan, 21 Disember 1959. *Ibid.*
- <sup>36</sup> *Ibid.*
- <sup>37</sup> *The Bangkok Post*, 4 Januari 1960.
- <sup>38</sup> *The Bangkok Post*, 9 Januari 1960
- <sup>39</sup> *The Bangkok Post*, 18 Januari 1960
- <sup>40</sup> *The Bangkok Post*, 4 Februari 1960
- <sup>41</sup> *The Bangkok Post*, 11 Mac 1960
- <sup>42</sup> *Ibid.*
- <sup>43</sup> *The Bangkok Post*, 3 Januari 1961.
- <sup>44</sup> *The Bangkok Post*, 6 Januari 1961.
- <sup>45</sup> *Ibid.*
- <sup>46</sup> *The Saigon Post*, 18 May 1962.
- <sup>47</sup> British Embassy, Bangkok to Chancery, 26 Oktober 1961, dalam FO 371/160083/DS1821/1 Repatriation of Vietnamese from Thailand has continued undisturbed.
- <sup>48</sup> *The Saigon Post*, 10 Ogos 1962.
- <sup>49</sup> *The Saigon Post*, 3 September 1962.
- <sup>50</sup> *The Saigon Post*, 14 September 1962.
- <sup>51</sup> *The Saigon Post*, 24 September 1962.
- <sup>52</sup> *The Saigon Post*, 24 September 1962.
- <sup>53</sup> *The Saigon Post*, 6 Oktober 1962.
- <sup>54</sup> *Ibid.*
- <sup>55</sup> *The Saigon Post*, 6 Oktober 1962.
- <sup>56</sup> *The Saigon Post*, 16 Oktober 1962.
- <sup>57</sup> *Ibid.*
- <sup>58</sup> *The Saigon Post*, 17 Oktober 1962.
- <sup>59</sup> *The Saigon Post*, 17 Oktober 1962.
- <sup>60</sup> *The Saigon Post*, 14 Disember 1962.
- <sup>61</sup> *Ibid.*
- <sup>62</sup> *The Saigon Post*, 18 Disember 1962.
- <sup>63</sup> *Ibid.*
- <sup>64</sup> *The Bngkok Post*, 13 November 1964.
- <sup>65</sup> *Ibid.*
- <sup>66</sup> *Ibid.*
- <sup>67</sup> *Ibid.*
- <sup>68</sup> *The Saigon Post*, 8 Mei 1967.
- <sup>69</sup> *Ibid.*
- <sup>70</sup> *The Saigon Post*, 14 Mei 1967.
- <sup>71</sup> Insiden Teluk Tonkin bermula pada 2 Ogos 1964 apabila kapal tentera laut Amerika Syarikat, USS Maddox yang sedang melaksanakan tugas rondaan ditembak kapal torpedo P-4 milik Vietnam Utara. Isu ini dijadikan



alasan untuk Amerika Syarikat menghantar tenteranya untuk membantu Vietnam Selatan menentang Vietnam Utara. Untuk maklumat lanjut lihat, Tal Tovy, *The Gulf of Tonkin: The United States and the Escalation in the Vietnam War*, New York & London: Routledge, 2021.

<sup>72</sup> Airgram from the Embassy in Thailand to the Department of State, Bangkok, June 12, 1959. Dlm. *Foreign Relations of the United States, 1958–1960*, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam crisis over Vietnamese Refugees. 1078

<sup>73</sup> *The Saigon Post*, 14 Mei 1967.

<sup>74</sup> *The Saigon Post*, 21 Oktober, 1967.

<sup>75</sup> Nongkhai merupakan Bandar yang terletak di sempadan utara Thailand, *The Saigon Post*, 21 Oktober 1967.

<sup>76</sup> *The Saigon Post*, 21 Oktober, 1967.

<sup>77</sup> *The Saigon Post*, 28 November, 1967.

<sup>78</sup> *The Saigon Post*, 25 Oktober, 1967.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> Konsep *Vietnamisasi* bermaksud, usaha mempertahankan negara Republik Vietnam (Vietnam Selatan) adalah terletak di bawah tanggungjawab rakyat negara tersebut. Tentera SEATO hanya memberi bantuan dari aspek teknikal sahaja dan bukan tenetra. Untuk maklumat lanjut, lihat, David L. Anderson, *Vietnamization: Politics, Strategy, Legacy (Vietnam: America in the War Years)*, Maryland: Rowman & Littlefield, 2019.

<sup>82</sup> Doktrin Nixon merupakan ucapan Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon dalam satu Sidang akhbar di Guam pada 25 Julai, 1969, yang menamatkan Penglibatan Amerika Syarikat dalam Perang Vietnam. Lihat, Earl C. Ravenal, “The Nixon Doctrine and Our Asian Commitments”, *Foreign Affairs* Vol. 49, No. 2, 1971, hlm. 201-217.

<sup>83</sup> *The Bangkok Post*, 18 Februari 1973.

<sup>84</sup> *Ibid.*, 6 Oktober 1973.

<sup>85</sup> British Embassy Bangkok to Southeast Asia Department, Foreign and Commonwealth Office, London, 11 September 1973, *FCO 15/1838/FAV3/316/1* Repatriation of North Vietnamese Refugees.

<sup>86</sup> British Embassy Bangkok to Southeast Asia Department, Foreign and Commonwealth Office, London, 20 Disember 1974, *FCO 15/2010/FAV3/316/1* Thai/North Vietnam Relations.

<sup>87</sup> *The Bangkok Post*, 18 Februari 1973.

## RUJUKAN

Anderson, David L., *Vietnamization: Politics, Strategy, Legacy (Vietnam: America in the War Years)*, Maryland: Rowman & Littlefield, 2019.

Baker, Chris & Pasuk Phongpaichit, *A History of Thailand*, Cambridge University Press, 2014.

Boon Dar, Ku, “Tay Son Uprising (1771-1802) In Vietnam: Mandated by Heaven?”, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 44, No. 1, hlm. 1-23.

*FO371/160083*, Repatriation of Vietnamese from Thailand has continued undisturbed, National Archive of United Kingdom, Kew.

*FCO 15/1838*, Repatriation of North Vietnamese Refugees. National Archive of United Kingdom, Kew.

*FCO 15/2010*, Thai-North Vietnam Relations. National Archive of United Kingdom, Kew.

*Foreign Relations of the United States, 1958–1960*, South and Southeast Asia, Volume XV, On Thailand-North Vietnam crisis over Vietnamese refugees.

Ravenal, Earl C., “The Nixon Doctrine and Our Asian Commitments”, *Foreign Affairs*, Vol. 49, No. 2, 1971, hlm. 201-217.

*The Bangkok Post*, 3 Januari 1961.

*The Bangkok Post*, 6 Januari 1961.

*The Bangkok Post*, 9 Januari 1960

*The Bangkok Post*, 18 Januari 1960

*The Bangkok Post*, 4 Februari 1960

*The Bangkok Post*, 18 Februari 1973.

*The Bangkok Post*, 11 Mac 1960

*The Bangkok Post*, 30 Mac 1959.

*The Bangkok Post*, 28 April 1959.

*The Bangkok Post*, 22 Jun 1959.

*The Bangkok Post*, 3 Ogos 1959

*The Bangkok Post*, 13 Ogos 1959

*The Bangkok Post*, 15 Ogos 1959

*The Bangkok Post*, 25 Ogos 1959.

*The Bangkok Post*, 25 Ogos 1959

*The Bangkok Post*, 13 November 1964.

*The Saigon Post*, 8 Mei 1967.

*The Saigon Post*, 14 Mei 1967.

*The Saigon Post*, 18 May 1962.

*The Saigon Post*, 10 Ogos 1962.

*The Saigon Post*, 3 September 1962.

*The Saigon Post*, 14 September 1962.

*The Saigon Post*, 24 September 1962.

*The Saigon Post*, 6 Oktober 1962.

*The Saigon Post*, 16 Oktober 1962.

*The Saigon Post*, 17 Oktober 1962.

*The Saigon Post*, 21 Oktober, 1967.

*The Saigon Post*, 25 Oktober, 1967.

*The Saigon Post*, 28 November, 1967.

*The Saigon Post*, 14 Desember 1962.

*The Saigon Post*, 18 Desember 1962.

Tovy, Tal., *The Gulf of Tonkin: The United States and the Escalation in the Vietnam War*, New York & London: Routledge, 2021.

Varophas, K., "The Vietnamese refugees in Thailand", *World Affairs*, Vol. 128, 1966, hlm. 233-238.